

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 20 JULAI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10

### Kerajaan semak semula keutamaan projek RMK12

## Kerajaan semak semula keutamaan projek RMK12

**KUALA LUMPUR** - Projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi 2022 akan dikaji semula pelaksanaannya selaras dengan garis panduan dikeluarkan Kementerian Kewangan (MOF), kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Dalam kenyataan pada Selasa, beliau berkata, Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam itu adalah berkaitan pelaksanaan langkah-langkah mengoptimalkan perbelanjaan kerajaan untuk membantu membiayai sebahagian perbelanjaan tambahan berkaitan subsidi.

Mustapa berkata, beliau mempengerusikan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMK12 sebulan sekali untuk memastikan projek-

projek yang diluluskan dapat dilaksanakan mengikut jadual dan peruntukan yang disediakan.

“Pada hari ini (Selasa), saya telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan tindakan susulan berkaitan dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan (DE) yang perlu diambil selaras dengan garis panduan dikeluarkan MOF,” katanya.

Menurut Mustapa, mesyuarat itu antara lain telah memutuskan agar projek dicadangkan dikaji semula pelaksanaannya melibatkan projek baharu dan sedia ada yang belum dimulakan proses perolehan atau diiklankan; projek bukan keutamaan yang telah dikenal pasti kecuali projek mempunyai impak segera kepada kesejahteraan rakyat dan projek baharu dan sedia ada yang menghadapi masalah pelaksanaan seperti isu tapak. - *Bernama*